

16 SEP 2003

Amanat-BN

DR MAHATHIR BERI AMANAT PENTING SABTU INI SEMPENA ULANGTAHUN KE-50 BN

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) akan menyampaikan amanat penting kepada anggota parti komponen BN dan juga rakyat pada Sabtu ini sempena sambutan Ulangtahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN.

Setiausaha Agung BN Tan Sri Mohamed Rahmat berkata ucapan perdana Dr Mahathir penting kerana ia disampaikan hanya beberapa minggu sebelum beliau bersara daripada kerajaan dan politik negara.

"Ini adalah ucapan terakhir beliau kepada anggota BN di seluruh negara. Saya percaya ucapannya penting," katanya pada taklimat media mengenai sambutan itu di ibu pejabat BN di sini, hari ini.

"Tapi jangan ingat ini ucapan perpisahan. Kerana apabila bersara kelak, Dr Mahathir tetap akan kekal sebagai ahli Umno, dan juga anggota BN. Apapun, beliau pasti akan memperkatakan sesuatu yang penting," katanya.

Sambutan Ulangtahun Ke-50 Kecemerlangan Kongsi Kuasa BN itu akan berlangsung mulai pukul 2 petang di Stadium Merdeka. Lebih 50,000 wakil dari kesemua 14 parti komponen BN dan juga orang ramai dijangka memenuhi stadium yang bersejarah itu bagi meraikannya.

Menurut Mohamed, perayaan ini penting bagi mengingatkan kesemua anggota komponen BN dan generasi muda negara akan pentingnya perkongsian kuasa bagi memastikan Malaysia terus aman, maju dan makmur.

"Kongsi kuasa merupakan elemen yang sangat penting dalam mencorak negara kita selama ini," katanya.

Bagaimanapun, katanya, ramai juga, khususnya anak-anak muda yang kurang faham atau sudah lupa konsep kongsi kuasa ini.

"Sambutan ini penting untuk mengingatkan mereka, agar mereka menerima semangat kongsi kuasa ini," katanya.

Walaupun perayaan itu berbentuk perhimpunan raksasa, Mohamed berkata ia dianjurkan oleh BN secara sederhana dan lebih menumpukan kepada ucapan-ucapan yang akan disampaikan oleh tokoh-tokoh penting BN.

Majlis akan bermula dengan upacara menaikkan bendera BN dengan diiringi lagu BN sebelum bacaan ikrar oleh semua yang hadir.

Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu akan memulakan sesi ucapan, diikuti Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting dan Presiden Parti Pesaka Bumiputra Bersatu Tan Sri Abdul Taib Mahmud yang mewakili parti-parti komponen BN Sarawak dan Sabah.

Ini seterusnya diikuti dengan ucapan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk sambutan dan akhir sekali, ucapan perdana oleh Dr Mahathir.

-- BERNAMA

RBZ AHH PR